



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/4/2013

Tempoh kempen 15 hari amat sesuai - Tun M

UM-12/4/2013

SEREMBAN 11 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan penetapan tempoh kempen selama 15 hari pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) amat sesuai, sekali gus mengelakkan ketegangan sehingga mampu mencetus huru-hara di negara ini.

Menurut bekas Perdana Menteri, sekiranya tempoh kempen dibuat terlalu lama, ia mampu membangkitkan perasaan yang membara di

kalangan masyarakat negara ini.

"Kalau terlampau panjang seperti tahun 1969, tahap ketegangan akan meningkat. Malah ketegangan antara mereka yang bertanding akan menjadi begitu teruk, sekali gus mencetuskan keadaan huru-hara dalam negara. Oleh yang demikian saya berpendapat tempoh 15 hari ini amat sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar se-

lepas majlis Pelancaran Kelab Menjenayahkan Peperangan (CWC) di Kolej Tunku Kurshiah di Bandar Enstek, Nilai, dekat sini hari ini.

Turut hadir, isterinya Tun Dr. Siti Hasmah dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Dr. Rosli Moahamed.

Mengulas tindakan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang mencabar bekas Perdana Menteri keempat negara itu untuk berdebat, Mahathir

memberitahu, tidak perlu untuk beliau menyahut cabaran sedemikian.

Ini kerana tegas Dr. Mahathir, beliau tidak lagi bertanding dalam pilihan raya atau menjadi penasihat parti seperti mana kedudukan pemimpin pembangkang itu.

"Saya bukan bertanding dan saya pun bukan penasihat, lagipun dia penasihat kepada parti. Tetapi kalau dia (Kit Siang) mahu dan dia tanya, saya boleh jawab dan dia juga boleh

jawab apa yang saya katakan.

"Saya rasa tidak perlu berdebat kerana ini (debat) untuk pelajar sekolah, kita boleh buat debat terbuka, saya cakap satu, dia balas satu, tidak menjadi masalah," ujar beliau lagi.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut mengulangi keyakinan beliau yang Barisan Nasional (BN) mempunyai harapan yang cerah untuk memenangi lebih banyak kerusi pada PRU-13.